

11 FEB 1996

Anwar - Dadah

PEMULIHAN DADAH BELUM BERKESAN, KATA ANWAR

BUKIT MERTAJAM, 11 Feb (Bernama) -- Program pemulihan dadah di negara ini masih belum berkesan walaupun kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan dan peruntukan yang besar, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata kegagalan itu menyebabkan kabinet mengambil keputusan untuk memberi tumpuan yang khusus dalam usaha pemulihan serta membanteras gejala penagihan dadah.

"Masalah dadah amat rumit kerana ia bukan hanya meliputi masalah pemulihan dan seliaan lanjutan tetapi turut membabitkan pelbagai masalah-masalah lain yang perlu diberikan keutamaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada 405 penduduk miskin, 32 anak yatim dan 10 orang cacat dari kawasan Parlimen Permatang Pauh yang diwakilinya di sini hari ini.

Anwar berkata penubuhan Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan memberi tumpuan khusus kepada usaha membanteras gejala dadah.

Antara tumpuan yang dikhususkan ialah menyegerakan pembinaan dan mengubahsuai pusat-pusat di seluruh negara agar dapat mempercepatkan usaha mengumpulkan penagih-penagih dadah.

Beliau juga berkata Jawatankausa Petugas Anti Dadah turut mengemukakan beberapa cadangan termasuk membina kawasan perkhemahan untuk penagih dan bekas penagih untuk membolehkan mereka menjalani aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

"Bagaimanapun, cadangan itu melibatkan satu penerangan dan latihan yang memerlukan gerakan lebih menyeluruh dan kita perlu menyediakan program seperti Rakan Muda untuk menggalakkan golongan muda menyertai kegiatan lebih berfaedah," katanya.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob dilaporkan berkata, kerajaan meluluskan peruntukan RM120 juta untuk mengubahsuai dan membina pusat-pusat serenti di seluruh negara.

Katanya PEMADAM dan badan-badan sukarela masih gagal dalam usaha memerangi dadah dan negara kini mempunyai 200,000 penagih dadah dan 80,000 daripada jumlah itu adalah penagih tegar.

Mengenai laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meluluskan pembelian 12 kereta Volvo bernilai RM1.8 juta untuk pengurus-pengurus kanannya, Anwar berkata beliau belum menerima laporan lengkap mengenainya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata sekiranya pembelian itu mengikut peraturan, kementerian tidak mempunyai halangan.

"Tetapi kalau pegawai berkenaan tidak berhak menggunakannya, barulah kita akan mempertikaikan dan meneruskan siasatan, jika perlu," katanya.

Beliau berkata walaupun beliau belum menerima laporan lengkap mengenai pembelian itu, tetapi mengikut maklumat awal daripada KWSP, pembelian kereta itu mengikut prosedur dan berdasarkan kelayakan pegawai berkenaan.

Menjawab soalan mengenai pembayaran dividen KWSP kepada pencarum yang dijangka kurang daripada 8 peratus, Anwar berkata beliau akan mengeluarkan kenyataan lengkap mengenainya tidak lama lagi. -- BERNAMA

SA MAI